

TEMU RAMAH BERSAMA
DATIN ZARINA BT ABD RAHMAN

Perkara yang membanggakan Datin di SMK Seri Hartamas

- *SMK Seri Hartamas menjadi rebutan lebih ramai pelajar*
- *Bakat-bakat murid sekolah dapat dikembangkan & peningkatan dari segi pencapaian akademik*

Kenangan Manis di SMK Seri Hartamas

- *Jiwa Datin sangat dekat dengan pelajar-pelajar sekolah*
- *Kenangan manis termasuklah peningkatan akademik pelajar, kesungguhan belajar murid-murid & murid-murid sekolah yang berbudi bahasa*

Cabaran terbesar sebagai pengetua di SMK Seri Hartamas

- *Cabaran untuk menyedarkan pelajar betapa pentingnya untuk hadir ke sekolah dan diatasi dengan komunikasi yang berkesan & membuat penambahbaikan*

Bakat atau minat terpendam Datin Zarina

- *Datin mempunyai minat yang mendalam terhadap bidang nyanyian, tarian, dan lukisan.*
- *Datin juga bergiat aktif dalam sukan hoki, badminton, squash, berenang dan pernah mewakili negeri Kedah dalam sukan bola jaring sewaktu sekolah rendah*



Datin Zarina sewaktu Datin pelajar sekolah menengah

- *Datin Zarina seorang pelajar yang sangat mementingkan pendidikan*
- *Datin Zarina merupakan pelajar paling cemerlang sewaktu di Tingkatan 3 kerana sentiasa mendapat gred yang tertinggi dan mendapat tempat pertama secara konsisten*
- *Datin Zarina juga mempunyai minat yang mendalam terhadap subjek Matematik Tambahan & menjadi sumber rujukan rakan-rakan*

Jika Datin Zarina bukan seorang guru, siapakah Datin?

- *Cita-cita Datin Zarina dahulu adalah untuk menjadi seorang doktor, namun kerana wujudnya beberapa kekangan Datin memilih kerjaya sebagai guru*

Rancangan Datin Zarina setelah bersara

- *Datin Zarina ingin meluangkan masa untuk diri sendiri dan anak-anak, termasuklah ingin menyambung mempelajari perkara-perkara yang berkaitan keagamaan dan kerja-kerja amal*

Kata-kata akhir Datin Zarina buat seluruh warga SMK Seri Hartamas

- *Pelajar-pelajar SMK Seri Hartamas diharapkan akan terus merapatkan hubungan silaturahim tanpa mengira bangsa dan agama*
- *Pelajar-pelajar SMK Seri Hartamas juga perlu meneruskan usaha menjadi pelajar lebih cemerlang dalam bidang akademik, sahsiah dan ko-kurikulum*
- *Jadilah individu yang sentiasa berjiwa kental, berjiwa murni, berbuat baik.*

